

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Kerajaan digesa semak semula penunjuk kemiskinan

Kerajaan digesa semak semula penunjuk kemiskinan

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menyemak semula aras penunjuk kemiskinan negara memandangkan kadar kemiskinan diimbangi semakin meningkat dengan ramai yang tercicir daripada rekod sedia ada.

Presiden Gerakan Ekonomi Malaysia (GEM), Armin Baniaz Pahamin, berkata ketiadaan rekod itu menyebabkan mereka yang tergolong dalam kategori miskin mungkin tidak mendapat sebarang bantuan sepatutnya, sekali gus lebih ramai rakyat sebenarnya terkesan dan terbeban dengan kenaikan kos sara hidup serta Kadar Dasar Semalaman (OPR).

Katanya, data yang tepat dan realistik amat penting kerana ia diguna sebagai analisis Bank Negara dalam menentukan kadar pengurusan monetari dan polisi serta dasar berkaitan.

"Jumlah kebangkrapan juga masih kekal tinggi walaupun kerajaan sudah membuat pindaan akta untuk mengurangkan jumlah mereka yang bankrap, malah golongan M40 semakin miskin dan bergelut untuk membayar makanan, sewa serta hutang.

"Kebanyakan isi rumah dan perniagaan kecil sudah kehausan simpanan yang di pakai untuk bertahan ketika pandemik COVID-19 dan mereka masih be-

lum pulih, manakala sebahagian besar rakyat dan perniagaan kecil tidak mungkin dapat bertahan dengan kenaikan kos sara hidup yang berterusan, dengan sebilangan besar kelas pertengahan juga menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan belanjawan bulanan mereka," katanya, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Armin Baniaz berkata, kerajaan digesa menyemak kembali kadar OPR dan memperkenalkan dasar ekonomi yang bukan saja mesra rakyat dan perniagaan, tetapi berupaya memacu ekonomi negara dengan dasar yang mampu membuka banyak peluang baharu kepada usa-

hawan tempatan

Beliau juga mencadangkan Bank Negara menyemak kembali kadar OPR sebanyak 2.75 peratus untuk mengurangkan beban isi rumah dan perniagaan kecil, selain meminta bajet tambahan dibuat untuk program yang dapat mengatasi kemurungan ekonomi yang dijangka berterusan.

Katanya, walaupun kerajaan terlalu yakin dengan pertumbuhan ekonomi 5.6 peratus bagi suku pertama 2023 dan kenaikan kadar OPR kepada tiga peratus adalah konsisten dengan data yang menunjukkan prestasi ekonomi kukuh, namun ia tidak mengambil

kira laporan Jabatan Statistik yang melaporkan kemerosotan eksport sehingga 17.4 peratus pada April, tahun ke tahun.

"Kemosrotan eksport ini penunjuk dan indikator kepada ekonomi Malaysia yang akan terus merudum selaras dengan hasil pendapatan komoditi yang menurun dan prospek pertumbuhan global yang dijangka lemah sepanjang 2023.

"Yang nyata, masalah kenaikan kos sara hidup, mata wang ringgit yang semakin lemah dan pembangunan ekonomi masih kritikal serta menjejaskan kelestarian hidup rakyat dan perusahaan kecil," katanya.